

HARI MINGGU BIASA KE-15 (C) **(Minggu Alkitab)**

Ulangan 30:10-14; Mazmur 18:8-11. R/ v. 9; Kolose 1:15-20
Lukas 10:25-37

Tema: **SABDA ALLAH ADALAH KEHIDUPAN, CINTA KASIH DAN KEBAHAGIAAN**

1. Hari ini adalah Hari Minggu Biasa ke-15, Tahun Liturgi C. Bacaan-bacaan hari ini memberitahu kita bahawa Sabda Allah adalah kehidupan, cinta kasih dan kebahagiaan! Justru itu Pengantar Injil:

“Sabda-Mu, ya Tuhan, adalah roh dan kehidupan. Pada-Mulah sabda kehidupan kekal” (cf. Yoh 6:63. 68)

Injil hari ini memberitahu kita bahawa perintah Allah memberi kita kehidupan! Iaitu, jika kita taat kepada perintah Allah dengan mengasihi Allah dan jiran kita, kita akan menemui kehidupan! Tetapi pengalaman memberitahu kita bahawa kita tidak dapat mengasihi Allah dan jiran kita melalui kekuatan kita sendiri. Kabar baik adalah bahawa perintah Allah telah dipenuhi dalam Yesus Kristus! Yesus Kristus mengasihi Allah dan jiran dan melalui kematian dan kebangkitan-Nya dan pencurahan Roh Kudus Dia telah memenuhi perintah Allah di dalam kita, supaya kita juga dapat mengasihi Allah dan jiran kita dan menemui kehidupan!

Hari ini Yesus Kristus terus memenuhi perintah Allah di dalam kita melalui kuasa Roh Kudus, terutama dalam Sakramen-sakramen, dan terutamanya di dalam Sakramen segala sakramen, iaitu, Ekaristi Kudus, supaya kita dapat mengasihi Allah dan jiran kita dan menemui kehidupan!

Bahagian kedua Injil yang mana adalah perumpamaan orang Samaria yang Baik, memberitahu kita bahawa disamping mengasihi Allah kita juga harus mengasihi jiran kita. Bahkan kita tidak boleh mengasihi Allah tanpa juga mengasihi jiran kita! Dan kita harus mengasihi bukan sahaja dalam pemikiran dan perkataan, tetapi juga dalam perbuatan dan tindakan!

Perumpamaan itu memberitahu kita bahawa seorang imam dan Lewi yang mengasihi Allah, tetapi mereka tidak mengasihi jiran mereka! Imam dan Lewi itu sedang dalam perjalanan dari Yerusalem ke Yeriko, iaitu, mereka dalam perjalanan balik dari pelayanan di Bait Allah (IBC) di Yerusalem, tetapi mereka tidak berhenti membantu orang yang dipukul, dirompak dan ditelanjangi oleh penyamun. Hanya orang Samaria yang Baik itu yang berhenti dan memberi bantuan kepada orang yang dalam keperluan itu. Dia menyirami minyak dan anggur pada luka-lukanya dan membalutnya dan meletaknya di atas keledainya dan membawanya ke tempat penginapan dan merawatnya. Dia juga membayar kepada pemilik penginapan untuk terus menjaganya!

Orang Samaria yang Baik itu adalah Yesus Kristus sendiri dan kita adalah orang yang dipukul, dirompak dan ditelanjangi oleh penyamun! Yesus Kristus mengasihi kita dalam perbuatan dan tindakan, supaya kita juga dapat mengasihi mereka yang dalam keperluan, dalam kelakuan dan dalam tindakan! Kasih kita kepada Allah dan jiran adalah hanya sahutan kepada kasih Allah untuk kita di dalam Yesus Kristus. Kita mengasihi Allah sebab Allah telah mengasihi kita terlebih dahulu dan kita mengasihi jiran kita sebab Allah telah mengasihi kita terlebih dahulu! (E Lawrence).

2. Bacaan pertama memberitahu kita bahawa perintah itu bukan di luar kekuatan kita dan jauh dari jangkauan kita! Hukum itu bukan di syurga sehingga kita memerlukan seseorang membantu kita pergi ke syurga dan membawanya turun untuk kita mendengar dan menyimpannya. Dan perintah itu bukan di seberang lautan sehingga kita memerlukan seseorang menyeberangi lautan itu dan membawanya kepada kita untuk didengar dan ditaati! Tidak, perintah itu ada dekat dengan kita, perintah itu adalah di dalam mulut dan di dalam hati kita untuk kita mengamatinya!

Bacaan pertama ini adalah “injil” Kitab Ulangan (IBC)! Ia ada persamaan dengan Yeremia 31:33 dan Yehezkiel 36:26-27 di mana Allah meletakkan perintah ke dalam hati kita, di mana Allah memberi kita hati baru, di mana Allah meletakkan Roh dalam hati kita agar kita akan menjaga perintah-Nya dan

menemui kehidupan! Bahkan bacaan pertama ini sepatutnya bermula bukan dari ayat 10, tetapi dari ayat 6 di mana Allah akan menyunat hati kita dan membuat kita mentaati perintah-Nya agar kita dapat menemui kehidupan dan kemakmuran! (NJBC; IBC; CCB)

3. Mazmur antarbacaan memberitahu kepada kita bahawa perintah Allah memberi kita kebahagiaan! Justru itu sahutannya: (Mazmur alternatif)

“Hukum Allah itu benar, menggembirakan hati.” (Mzm 18(19):9; SM)

Mazmur antarbacaan mempunyai empat rangkap. Rangkap pertama dan kedua memberitahu kita bahawa perintah Allah memberi kita kehidupan, kebijaksanaan, sukacita dan iman! Justru itu rangkap pertama dan kedua adalah:

“Taurat Allah itu sempurna, menyegarkan jiwa. Perintah Allah dapat dipercayai, memberi kebijaksanaan kepada orang yang memerlukannya. Hukum Tuhan itu benar, menggembirakan hati. Hukum Allah itu adil, memberi orang pengertian.” (Mzm 18: 8-9; SM)

Rangkap keempat memberitahu kita bahawa perintah Allah adalah lebih baik dari emas dan lebih manis dari madu! Justru itu kita baca dalam rangkap keempat:

“Ketetapan Tuhan lebih berharga daripada emas murni, lebih manis daripada madu.” (Mzm 18(19):11; SM)

4. Bacaan kedua tidak menuruti tema Hari Minggu, tetapi bacaan kedua mempunyai sesuatu yang penting untuk diberitahu kepada kita! Bacaan kedua memberitahu kita bahawa segala-galanya dicipta dalam Yesus Kristus, melalui Yesus Kristus dan kerana Yesus Kristus dan lebih penting lagi, segala-galanya diselamatkan dalam Yesus Kristus, melalui Yesus Kristus dan kerana Yesus Kristus!

Dalam Misa Kudus kita menemui Kristus Liturgikal, tetapi dalam Penciptaan kita menemui Kristus Kosmik! Dalam bacaan kedua hari ini kita bertemu Yesus Kosmik! Sesungguhnya seorang pensyarah Liturgis dalam seminari memberitahu saya bahawa dalam Doa Petang, Doa Ilahi(Divine Office), Liturgy of the Hour, kita menemui Kristus Liturgikal, tetapi dalam menjangkau planet-planet dan bintang-bintang kita temui Kristus Kosmik!

Itulah sebabnya mengapa sebilangan paderi-paderi adalah kedua-duanya sekali sebagai ahli astronomi dan ahli alam sekitar! Segalanya adalah mengenai penciptaan! Allah yang menyelamatkan kita terlebih dahulu adalah Allah yang mencipta kita! Ini ada di dalam artikel pertama Kredo kita! Justru itu artikel pertama Kredo para Rasul adalah:

“Aku percaya akan Allah, Bapa yang Maha kuasa, Pencipta langit dan bumi.”

5. Hari ini kita bersyukur kepada Allah kerana sabda kehidupan-Nya, cinta kasih dan kegembiraan yang dipenuhi dalam Yesus Kristus dan kita mohon kepada Allah untuk terus memenuhi sabda ini di dalam kita melalui kuasa Roh Kudus, terutama dalam Sakramen-sakramen, dan terutamanya di dalam Sakramen segala sakramen, iaitu Ekaristi Kudus, supaya kita dapat mengasihi Allah dan jiran dan menemui kehidupan, cinta kasih dan kebahagiaan! Berkat Hari Minggu kepada kamu semua!

Amen!

Fr. Nicholas Ong, Holy Trinity Catholic Church (HTCC), Tawau, Sabah, Malaysia,

Rujukan: International Bible Commentary (IBC); New Jerome Biblical Commentary (NJBC); Christian Community Bible (CCB); Sunday Missal (SM).